

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : PELANCARAN KUTIPAN DERMA RAYUAN HARI PAHLAWAN TAHUN 1983
Lokasi : MELALUI RADIO DAN TELEVISYEN MALAYSIA
Tarikh : 30-07-1983

Assalamualaikum dan selamat petang serta selamat sejahtera saya ucapkan kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Saya merasa amat gembira dan bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wataala kerana mendapat penghormatan sekali lagi untuk melancarkan Kempen Kutipan Derma Rayuan Hari Pahlawan bagi tahun 1983 ini.

2. Setiap tahun kutipan derma ini telah dianjurkan oleh Persatuan Bekas Perajurit Malaysia. Tujuannya ialah untuk mendapatkan sumbangan daripada para dermawan sekalian bagi mengisi Tabung Kebajikan Persatuan tersebut. Bagi tahun ini kutipan derma tersebut akan dijalankan mulai esok, 31hb Julai 1983, dan akan berlangsung selama satu bulan sehingga 31hb Ogos 1983. Sepanjang masa kutipan derma ini diadakan, Persatuan Bekas Perajurit Malaysia telahpun mengatitkan berbagai-bagai langkah untuk menghubungi dan mendapatkan sumbangan daripada segenap lapisan masyarakat di negara ini, di antaranya termasuklah menjual bendera-bendera kecil, pelekat-pelekat kereta, bahan-bahan cenderamata, serta mengedarkan surat-surat rayuan kepada gedung-gedung perniagaan, syarikat-syarikat di sektor swasta dan juga para dermawan sekalian.

3. Pada hari dan bulan yang baik ini, saya menaruh harapan supaya segenap lapisan masyarakat di negara ini akan dapat memberi segala kerjasama, dan menyampaikan sumbangan mengikut kadar kemampuan masing-masing untuk menjayakan usaha-usaha yang mulia ini.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati,

4. Saya merasa amat tertarik hati kerana kutipan derma rayuan Hari Pahlawan adalah dilancarkan secara rasmi pada 31hb Julai, sementara tarikh penutupnya pula ialah pada 31hb Ogos. Pada hemat dan pendapat saya, pemilihan kedua-dua tarikh tersebut adalah tepat sekali dan melambangkan perjuangan serta pengorbanan masyarakat di negara ini yang telah mencurahkan segala-gala yang ada pada mereka demi merintis jalan bagi tertubuhnya sebuah negara Malaysia yang aman, makmur dan sejahtera. Dalam hubungan ini, saya ingin menarik perhatian para pendengar sekalian, bahawa kita semua seharusnya sentiasa memperingati dan berbangga dengan kesan sejarah dan peristiwa yang berlaku di negara kita 23 tahun yang lampau. Ini adalah kerana pada tanggal 31hb Julai tahun 1960 Kerajaan telah mengisytiharkan tamatnya darurat selama 12 tahun di negara kita. Ini bermakna ancaman pengganas-pengganas komunis, serta elemen-elemen subversif, untuk mengambil alih pemerintahan di negara ini secara kekerasan telah dapat dihapuskan. Sebagai mengenang segala jasa yang telah dicurahkan oleh perajurit-perajurit yang mempertahankan negara ini, maka tarikh tersebut telah diwartakan dengan rasminya oleh Kerajaan sebagai Hari Pahlawan - suatu hari yang bersejarah dan bolehlah dianggap sebagai hari yang keramat kepada perajurit-perajurit serta segenap lapisan masyarakat di tanahair. Sementara itu tanggal 31hb Ogos pula adalah hari kemerdekaan -- hari kejayaan dan hari kita mendapat kebebasan daripada penjajah.

5. Oleh yang demikian, adalah jelas kepada kita semua bahawa kedua-dua tarikh yang saya sebutkan itu memberi erti yang besar kepada kita semua dan jenerasi yang akan datang. Pendek kata, peristiwa yang berlaku pada kedua-dua tarikh tersebut melambangkan kemuncak dan hari kemenangan kepada perjuangan segenap lapisan masyarakat di negara ini yang sentiasa bersatu hati bagi memastikan keselamatan, kemakmuran, kebahagiaan dan kestabilan politik di dalam negara yang berdaulat dan berpelembagaan sentiasa terjamin.

Para penonton dan pendengar yang dihormati,

6. Kita sedia maklum bahawa setiap perjuangan memerlukan pengorbanan, sehingga kadangkala jiwa dan raga menjadi pertaruhannya. Di dalam hubungan ini, pengorbanan perajurit-perajurit selama 12 tahun semasa darurat, dan sehingga akhir-akhir ini, sepatutnya disanjung tinggi oleh kita semua, yang pergi tetap pergi dan tidak akan kembali lagi. Mereka telah terlebih dahulu menyahut seruan Ilahi demi mempertahankan ibu pertiwi. Bagaimanapun mereka telah meninggalkan tanggungan yang ramai yang perlu diberi perhatian sewajarnya. Sementara itu ramai juga bilangan bekas-bekas perajurit yang telah cacat, uzur dan sebagainya yang perlu dibantu untuk meneruskan kehidupan mereka.

Pendek kata, segala keamanan dan kedamaian yang sedang kita nikmati sekarang ini adalah hasil perjuangan dan pengorbanan pahlawan-pahlawan kita ini. Sungguhpun begitu, ini tidaklah bermakna bahawa bekas-bekas pahlawan ini memohon ehsan atau meminta supaya segala pengorbanan dan budi mereka itu diberi balasan atau dinilai dengan wang ringgit. Sebaliknya kita, sebagai rakyat yang cintakan negara ini, seharusnya berbangga kerana mendapat peluang untuk membalas budi pahlawan-pahlawan tanahair kita sendiri melalui kutipan Derma Rayuan Hari Pahlawan, ibarat kata pepatah: "Orang Berbudi, kita Berbahasa".

Para dermawan yang dihormati,

7. Saya merasa bangga kerana kutipan Derma Rayuan Hari Pahlawan bagi tahun yang lalu amatlah menggalakkan. Jumlah kutipan yang telah diterima bagi seluruh negara pada tahun 1982 ialah sebanyak 692-ribu ringgit. Pendapatan ini telah dapat membantu menampung perbelanjaan berbagai-bagai skim bantuan kebajikan yang sedang diselenggarakan oleh Persatuan Bekas Perajurit Malaysia, yang meliputi bantuan bulanan kepada balu-balu, ahli-ahli yang tidak daya-upaya, bantuan kepada anak-anak ahli di bidang pelajaran dan sebagainya. Bagi tahun tersebut jumlah bantuan kebajikan yang telah dikeluarkan oleh Persatuan ialah sebanyak 338 ribu ringgit, berbanding dengan sebanyak 315-ribu ringgit bagi tahun sebelumnya. Di sini nyatalah bahawa Persatuan Bekas Perajurit Malaysia sememangnya memerlukan sumbangan kewangan daripada orangramai bagi menampung perbelanjaan berbagai-bagai skim bantuan kebajikannya. Oleh hal yang demikian, sudah sewajarnya semua pihak di negara ini beramai-ramai memberi sumbangan dan menjayakan kutipan derma rayuan Hari Pahlawan yang diadakan pada setiap tahun.

8. Saya juga merasa bangga dan mengucapkan syabas kepada Persatuan Bekas Perajurit Malaysia di atas usaha dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan olehnya selama ini. Segala tenaga dan fikiran yang dicurahkan secara sukarela oleh pemimpin-pemimpin persatuan ini sepatutnya menjadi contoh dan teladan yang baik kepada lain-lain pertubuhan sukarela di negara ini untuk terus berkembang maju.

Para penonton dan pendengar yang budiman,

9. Sebelum saya mengundurkan diri, sekali lagi saya ingin menyeru kepada para dermawan dan segenap lapisan masyarakat di negara ini supaya sama-sama memberi sumbangan yang ikhlas bagi menjayakan kutipan derma rayuan Hari Pahlawan pada tahun ini. Saya sedar bahawa keadaan ekonomi negara pada masa ini tidaklah begitu cerah, tetapi saya yakin bahawa perkara ini tentu sekali tidak akan menjadi batu penghalang kepada kita semua untuk menabur budi kepada mereka yang benar-benar memerlukannya. Segala sumbangan ikhlas daripada para dermawan sekalian, biar sekecil mana sekalipun, amatlah besar ertinya kepada mereka ini, ibarat kata, mendapat air setitik di tengah padang pasir.

10. Saya menaruh harapan bahawa tuan-tuan dan puan-puan sekalian akan turut memainkan peranan, bukan sahaja bagi menjayakan kutipan derma ini, tetapi juga turut menginsafi segala perjuangan bekas-bekas perajurit kita yang disayangi.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan terima kasih.